

D671

R 8708 BAH
MAHATHIR - SUKAN (ULANGAN DENGAN PEMBETULAN)

KUALA LUMPUR, 1 SEPT (BERNAMA) -- KERAJAAN AKAN BERUSAHA MEMPOPULARKAN BEBERAPA JENIS SUKAN YANG KURANG MENDAPAT PERHATIAN DAN MINAT MASYARAKAT DI NEGARA INI, KATA PERDANAMENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMED, MALAM INI.

SUKAN SEPERTI MEMANAH, LUMBA KUDA BERHALANG (EQUESTRIAN), POLO DAN KANOING YANG AMAT POPULAR DI NEGARA EROPAH AKAN DIPERKENALKAN DENGAN LEBIH MELUAS, KATANYA PADA MAJLIS MERALKAN 700 ORANG ATLET DAN PEGAWAI SUKAN SEA NEGARA DI SEBUAH HOTEL TERKEMUKA DI SINI.

BELIAU BERKATA, BAGI TUJUAN ITU, KERAJAAN BERCADANG MENYEDIAKAN KEMUDAHAN DI KELAB LUMBA KUDA SELANGOR UNTUK SUKAN POLO DAN EQUESTRIAN SERTA MELURUSKAN SEBATANG SUNGAI DI BANGI UNTUK SUKAN KANOING.

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN AKAN DIMINTA SUPAYA MENYEDIAKAN LEBIH BANYAK KEMUDAHAN SUKAN YANG KURANG MENDAPAT PERHATIAN DI NEGARA INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERHARAP DENGAN ADANYA PELBAGAI KEMUDAHAN SUKAN DI TEMPAT-TEMPAT BERKENAAN, BAKAT-BAKAT BARU AKAN DAPAT DICUNGGIL. -- LAGI

2356MST 01 09 89

D668

R 8707 BAH
MAHATHIR - SUKAN 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI MENGINGATKAN ATLET-ATLET DAN PEGAWAI SUKAN NEGARA SUPAYA MEMBUAT PERSIAPAN MULAI SEKARANG UNTUK MENGHADAPI SUKAN SEA KE-16 DI MANILA PADA TAHUN 1991.

+PELBAGAI USAHA UNTUK MENCAPAI KEJAYAAN DI MANILA PERLU DIAMBIL MULAI SEKARANG+ SAMBIL MENAMBAH KERAJAAN INGIN MELIHAT ATLET NEGARA INI TERUS MERAH KEJAYAAN DI SUKAN ASIA DAN SUKAN OLIMPIK.

BELIAU JUGA MENASIHATKAN AHLI SUKAN YANG MENANG SUPAYA JANGAN BERSIKAP SOMBONG DENGAN KEJAYAAN MEREKA DAN BAGI MEREKA YANG TEWAS SUPAYA TIDAK BERASA KECEWA.

SEMENTARA ITU, SKUAD BOLASEPAK NEGARA YANG MENERIMA GANJARAN SEBANYAK \$4,000 DARIPADA MAJLIS SUKAN NEGARA (MSN) ATAS KEJAYAAN MEMENANGIPINGATEMAS TELAH MENDERMA KESEMUA WANG ITU KEPADA PENINJU ZULKIFLI YAACOB BAGI MENANGGUNG KOS RAWATAN ANAKNYA YANG DISAHKAN MENGIDAP PENYAKIT JANTUNG BERLUBANG.

ISTERI PERDANAMENTERI, DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH MOHAMEDALIJUGA TURUT MENYAMPAIKAN SUMBANGAN \$1,000 DARIPADA BADAN ANAL, KEBAJIKAN DAN TENAGA ISTERI-ISTERI MENTERI DAN TIMBALAN MENTERI (BAKTI) KEPADA ZULKIFLI.

DATUK SERI DR MAHATHIR DAN DR SITI HASMAH KEMUDIÂN MENDENDANGKAN SEBUAH LAGU DI MAJLIS ITU. TURUT HADIR IALAH MENTERI-MENTERI KABINET SERTA ISTERI MASING-MASING. -- BERNAMA

2351MST 01 09 89